

| | |
|---------------|--|
| TARIKH | SELASA, 27 SEPTEMBER 2022 |
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK ARTIKEL | MURID SERTAI PERTANDINGAN BERCERITA STEM |
| M/S | 22 |
| BIDANG | MANAGEMENT |
| KATA KUNCI | MANAGEMENT |



Pertandingan secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan bercerita dalam kalangan kanak-kanak. - GAMBAR HIASAN

Murid sertai pertandingan bercerita STEM

SERAMAI 122 murid termasuk prasekolah di seluruh negara menyertai Pertandingan Bercerita Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) secara dalam talian, baru-baru ini.

Pertandingan yang berlangsung selama lebih tiga bulan itu dianjurkan Persatuan STEM Kebangsaan, Kelab Pendidikan Kanak-kanak dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS, Prof. Dr. Murnizam Halik berkata, objektif program itu bagi meningkatkan pemikiran kritis dan menerapkan sifat ingin tahu mengenai STEM tanpa mengira peringkat umur.

Katanya, bidang STEM amat penting kerana ia merupakan antara agenda yang diberi penekanan dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

“Oleh itu, STEM perlu didedahkan kepada murid di peringkat pendidikan awal kanak-kanak lagi bagi melatih perkembangan psikologi dan intelektual mereka, terutama dalam kemahiran menyelesaikan masalah.

“Program webinar dan pertandingan yang dianjurkan ini sekali gus membuktikan yang kita berada di landasan tepat untuk membantu anak-anak menanam minat



MURNIZAM HALIK



NORAINI IDRIS

dalam bidang STEM yang semakin mendapat tempat pada masa ini,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan STEM Kebangsaan, Prof. Datuk Dr. Noraini Idris berkata, pertandingan berkenaan secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan bercerita dalam kalangan kanak-kanak.

Beliau yakin platform sedemikian dapat memberi manfaat dan meningkatkan pengetahuan STEM dalam kalangan golongan sasaran.

| | |
|-----------------|---|
| DISEDIAKAN OLEH | 1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-CARLOS LINTON (S19), BPM UNIT PERPUSTAKAAN, BPM |
|-----------------|---|